

02/05/2002

Kes TRI bukan tanda kejatuhan usahawan Melayu

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penjualan 260.87 juta saham Technology Resources Industries Bhd (TRI) milik Tan Sri Tajudin Ramli oleh Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) kepada Telekom Malaysia Bhd bukan menandakan keruntuhan empayar perniagaan Tajudin atau usahawan Melayu.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, ia adalah perkara biasa yang berlaku kepada usahawan yang mempunyai terlalu banyak hutang dan tidak menguruskan kewangan syarikat dengan baik serta tidak mengambil kira risiko jika berlaku kegawatan ekonomi.

Malah, katanya, Tajudin akan kehilangan pegangannya dalam TRI lebih awal lagi jika hutangnya tidak diuruskan Danaharta kerana bank yang memberikannya pinjaman sudah tentu mengambil tindakan undang-undang menutup syarikatnya apabila beliau gagal membayar hutang.

"Saya tak anggap ia sebagai kejatuhan empayar perniagaan Tajudin. Ini kerana apabila sesebuah syarikat mengalami kerugian oleh kerana sebab tertentu, kali ini kerana kemelesetan ekonomi, maka mereka tetap akan menghadapi masalah.

"Apa yang berlaku ialah ketika ekonomi baik, ramai peniaga berhutang tanpa mengambil kira kemungkinan risiko kerugian. Kemudian apabila jadi kegawatan ekonomi, banyak syarikat yang berhutang terlalu banyak menghadapi masalah,"

"Sebenarnya syarikat itu bukan milik Tajudin tetapi milik bank. Sebab apabila kita hutang bank sebahagian daripada milik kita akan jadi milik bank. Kalau dia tak boleh bayar kepada bank dan bank tuntutan dia kena isytihar tak mampu dan serah kepada Danaharta.

"Jika tidak awal-awal lagi bank akan menutup syarikatnya jika tidak ada Danaharta," katanya pada sidang akhbar selepas perhimpunan Hari Pekerja bagi Anggota Sektor Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas tindakan Danaharta itu kelmarin. Selain penjualan saham itu, Danaharta juga membuka permohonan kepada pihak yang berminat untuk membeli kira-kira 45 peratus saham Naluri Bhd (Naluri) milik Tajudin yang dicagarkan untuk pinjaman dan kini diambil alihnya.

Tindakan itu sekali gus memperlihatkan berakhirnya penguasaan Tajudin dalam TRI - syarikat perkhidmatan telekomunikasi yang menguasai Celcom Malaysia Bhd (Celcom) dan Naluri - yang dulunya menguasai Penerbangan Malaysia (MAS).

Pengerusi TRI dan Naluri itu gagal membayar RM130.44 juta kepada Danaharta bagi melanggan saham terbitan hak yang diperuntukkan kepadanya oleh TRI selepas tempoh kelonggaran selama 30 hari yang diberikan kepadanya tamat Ahad lalu.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, apa yang dialami Tajudin itu bukan tanda kejatuhan usahawan Melayu kerana masih ada yang berjaya mengharungi kegawatan ekonomi kerana cermat mengurus kewangan syarikat dan tidak berhutang terlalu banyak.

Malah, katanya, ada usahawan Melayu yang menjalankan perniagaan di luar negara sehingga berjaya menjadi pemaju terbesar di Bosnia tanpa meminta apa-apa bantuan daripada kerajaan.

"Tak semua jatuh, saya tengok ada yang maju, mereka yang tidak hutang terlalu banyak dan mengurus dengan baik dan menjaga segala urusan kewangan mereka. Walaupun menghadapi kegawatan ekonomi, mereka dapat hidup.

"Ada setengah daripada mereka berniaga di luar negeri kerana masalah tertentu. Saya tahu seorang budak Melayu di Bosnia dia jadi seorang pemaju yang terbesar di sana. Dia tak buat di Malaysia dan minta apa-apa pertolongan daripada kita, tapi masih boleh berjaya," katanya.

Ditanya apakah kenaikan harga petrol dan diesel akan memberi kesan kepada ekonomi negara, Dr Mahathir berkata kenaikan kecil sebanyak dua sen seliter bagi bahan api itu adalah minimum dan tidak akan memberi kesan negatif.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa membenarkan kenaikan harga bahan api itu untuk mengurangkan bebanan subsidi yang ditanggung sekian lama.

"Kita sudah memberi subsidi kepada harga petrol untuk tempoh yang lama, kita tidak boleh terus melakukan ini, kita perlu mendapat balik sedikit," katanya.

Mengenai kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB), Perdana Menteri meminta kakitangan awam supaya bersabar sehingga kajian semula itu selesai sebelum dapat memberikan butirannya.

"Kita sedang kaji, sabarlah sedikit. Jika kita cakap sekarang ia akan jadi kenyataan yang akan menyukarkan kita untuk membuat pindaan," katanya.

(END)